

**PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PROFESION PERGURUAN
(SATU TINJAUAN KE ATAS PELAJAR SARJANA PENDIDIKAN TEKNIKAL
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN (KUITTHO))**

DAMASARI BINTI MOHD NAWI

MT001025

NOORHANEYZA BINTI MAT NOOR

MT001067

NORZAITI AKTAR BINTI MOHAMED

MT001077

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan



Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SESSI 2000/2001

Dedikasi

Istimewa untuk:

*Keluarga yang tersayang
Dorongan, doa, pengorbanan dan harapan kalian
mencorak hidup kami menjadi manusia yang berguna kepada
Negara, Agama dan Bangsa.*



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, Selawat dan Salam ke atas Nabi Muhammad S.A.W.

Alhamdulillah, dengan keizinanNya dapat kami menyiapkan kertas penyelidikan ini dalam jangkamasa yang ditetapkan walaupun mengalami sedikit masalah namun ianya berjaya disiapkan. Di sini ingin kami menyatakan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Encik Mohd Izam bin Ghazali, pensyarah dari Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional, KUiTTHO selaku pensyarah penasihat kumpulan dalam menyediakan kertas penyelidikan ini yang sentiasa memberi panduan dan bimbingan tanpa jemu. Juga tidak lupa kepada pelajar-pelajar Sarjana Pendidikan Teknikal KUiTTHO yang telah memberi kerjasama dengan menjawab soal selidik dan membantu kami dalam usaha mendapatkan data untuk kajian ini. Tidak lupa juga ribuan terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan sekelas dan rakan-rakan serumah yang banyak memberi sumbangan kerjasama seperti menyumbangkan idea, cadangan dan komen sehingga kertas penyelidikan ini berjaya disiapkan. Terima kasih tidak terhingga kami ucapkan. Terima kasih juga kepada keluarga kami yang tersayang di atas sokongan moral dan pengorbanan kalian akan dikenang sepanjang hayat. Segala jasa-jasa yang kalian taburkan hanya Allah s.w.t sahaja yang dapat membalasnya.

Akhir sekali jutaan terima kasih kepada pihak yang memberi kerjasama sama ada secara langsung atau tidak.

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau persepsi pelajar Sarjana Pendidikan Teknikal di KUiTTHO terhadap profesion perguruan. Sehubungan dengan itu, kajian ini melaporkan mengenai faktor yang menarik minat dan faktor yang menolak minat pelajar terhadap profesion perguruan serta sikap pelajar terhadap profesion perguruan. Kajian ini melibatkan 270 orang pelajar Sarjana Pendidikan Teknikal di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) yang terdiri daripada 110 orang pelajar Semester 1, 108 pelajar Semester 2 dan 52 orang pelajar Semester 3. Hasil kajian mendapati purata pelajar lelaki menunjukkan minat yang sederhana terhadap profesion perguruan. Begitu juga dengan pelajar perempuan, puratanya menunjukkan minat yang sederhana terhadap profesion perguruan kecuali pelajar perempuan yang memilih profesion perguruan sebagai pilihan pertama menunjukkan minat yang tinggi terhadap profesion perguruan. Hasil kajian juga mendapati faktor utama yang menarik minat pelajar lelaki terhadap profesion perguruan ialah minat terhadap profesion itu sendiri, diikuti oleh faktor untuk melanjutkan pelajaran dan gaji yang tetap. Faktor utama yang menarik pelajar perempuan ialah minat terhadap profesion itu sendiri, diikuti oleh faktor dorongan orang terdekat dan gaji yang tetap. Manakala faktor utama yang menolak minat pelajar lelaki dan perempuan terhadap profesion perguruan ialah gaji yang tidak setimpal dan peluang pekerjaan lain yang lebih lumayan. Namun begitu, keseluruhan pelajar menunjukkan sikap yang positif terhadap profesion perguruan.

ABSTRACT

The purpose of this study is to survey the perceptions of Master of Education of KUiTTHO students towards teaching profession. For that purpose, the research reported their perceptions to a list of pulling and pushing factors as well as their attitudes towards the profession. This study involved 270 students which consisted of 110 First Semester Students, 108 Second Semester Students and 52 Third Semester Students. The findings of this study showed that the interest level among the male and female students are average except for the female students who choose teaching profession as their first choice have deep interest in teaching profession. Results also showed that the main factor that attract male students to teaching profession is because of their interest in this profession, followed by the opportunity to further study and better emoluments. Whereas female respondents are attracted to the teaching profession because of their interest in the profession itself as the main factor, followed by family support and better emoluments. However, male and female students indicated that the unattractive emolument and the opportunity to get a better job as the pushing factors. However the findings portrayed a positive attitude towards teaching profession.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	Halaman Judul	i
	Halaman Pengakuan	ii
	Halaman Dedikasi	iii
	Halaman Penghargaan	iv
	Abstrak	v
	Abstract	vi
	Halaman Kandungan	vii
	Halaman Senarai Jadual	xi
	Halaman Senarai Carta	xiii
	Halaman Senarai Singkatan	xiv
	Halaman Senarai Lampiran	xv

BAB I **Pengenalan**

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar Belakang Masalah	3
1.2	Pernyataan Masalah	4
1.3	Persoalan Kajian	4
1.4	Objektif Kajian	5
1.5	Kepentingan Kajian	5

1.6	Skop Kajian	6
1.7	Limitasi Kajian	7
1.8	Definisi Istilah	7

BAB II **SOROTAN KAJIAN**

2.0	Pendahuluan	11
2.1	Sorotan Kajian Dari Perspektif Umum	11
2.2	Sorotan Kajian Dari Perspektif Jantina	15

BAB III **METODOLOGI KAJIAN**

3.0	Pendahuluan	18
3.1	Reka bentuk Kajian	18
3.2	Populasi	19
3.3	Instrumentasi Kajian	19
3.4	Prosedur Kajian	20
3.5	Prosedur Analisis Data	21
	3.5.1 Analisis Soalan Bahagian A	21
	3.5.2 Analisis Soalan Bahagian B	22
3.6	Pengumpulan Data	22



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB IV PENGANALISISAN DATA

4.0	Pengenalan	23
4.1	Bahagian A	24
4.1.1	Bilangan Pelajar Mengikut Jantina	24
4.1.2	Pilihan Profesion Perguruan Berdasarkan Jantina	26
4.1.3	Faktor Yang Menarik Minat Pelajar	27
4.1.4	Faktor Yang Menolak Minat Pelajar	30
4.2	Bahagian B	33
4.2.1	Faktor-faktor Yang Menarik Minat Pelajar Memilih Kerjaya Di dalam Profesion Perguruan	33
4.2.2	Aspek-Aspek Yang Menolak Minat Pelajar Meneruskan Kerjaya Di dalam Profesion Perguruan	44
4.2.3	Sikap Pelajar Terhadap Profesion Perguruan	50
4.3	Persepsi Pelajar Terhadap Profesion Perguruan	57



BAB V KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	60
5.2	Faktor Faktor Yang Menarik Minat Terhadap Profesion Perguruan	60
5.3	Faktor-Faktor Yang Menolak Minat Terhadap Profesion Perguruan	63
5.4	Sikap Pelajar Terhadap Profesion Perguruan	66
5.5	Kesimpulan	68
5.6	Cadangan	70

	BIBLIOGRAFI	73
--	--------------------	-----------

	LAMPIRAN	77
--	-----------------	-----------



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1	Bilangan Pelajar Mengikut Jantina	25
2	Pilihan Profesion Perguruan Sebagai Kerjaya Berdasarkan Jantina	26
3 (a)	Faktor Yang Menarik Minat Pelajar Terhadap Profesion Perguruan	27
3 (b)	Faktor Yang Menarik Minat Pelajar Lelaki Terhadap Profesion Perguruan	28
3 (c)	Faktor Yang Menarik Minat Pelajar Perempuan Terhadap Profesion Perguruan	29
4 (a)	Faktor Yang Menolak Minat Pelajar Terhadap Profesion Perguruan	30
4 (b)	Faktor Yang Menolak Minat Pelajar Lelaki Terhadap Profesion Perguruan	31
4 (c)	Faktor Yang Menolak Minat Pelajar Perempuan terhadap Profesion Perguruan	32
5	Minat Menjadi Guru/Pensyarah	33
6	Suka Bekerja Dengan Kanak-Kanak/Remaja	34
7	Cita-Cita Menjadi Guru/Pensyarah	35
8	Gagal Perolehi Kerja Yang Dicitakan	36
9	Bersesuai Dengan Kebolehan	36
10	Kerjaya Yang Terjamin	37
11	Gaji Yang Tetap	38



12	Faedah Persaraan,Perubatan Dan Pinjaman	39
13	Cuti Yang Panjang	39
14	Waktu Kerja Yang Singkat	40
15	Kurang Tekanan Kerja	41
16	Tiada Pilihan Lain	42
17	Peluang Melanjutkan Pelajaran	42
18	Sokongan Keluarga	43
19	Tidak Mendapat Pulangan Yang Setumpal	44
20	Peluang Kenaikan Pangkat	45
21	Bebanan Perkara Yang Remeh-Temeh	46
22	Masalah Disiplin Pelajar	47
23	Pekerjaan Lain Yang Lumayan	47
24	Pekerjaan Lain Yang Berprestij	48
25	Profesion Tidak Dihormati	49
26	Jawatan Yang Mulia	50
27	Berkhidmat Kepada Masyarakat	51
28	Mengajar Adalah Seronok	51
29	Status Yang Tinggi	52
30	Penting Pada Zaman Sains Dan Teknologi	53
31	Kerja Yang Membosankan	54
32	Tanggungjawab Dan Bebanan Kerja	54
33	Tidak Setanding Dengan Profesion Lain	55
34	Lebih Sesuai Untuk Wanita	56
35	Lebih Sesuai Untuk Lelaki	57
36	Skor Keseluruhan Untuk Pelajar Lelaki	58
37	Skor Keseluruhan Untuk Pelajar Perempuan	58



SENARAI CARTA

NO CARTA	TAJUK	MUKA SURAT
1	Peraturan Pelajar Mengikut Jantina	25



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN

KUITTHO	-	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn
P1	-	Pilihan Pertama
P2	-	Pilihan Kedua
P3	-	Tiada Pilihan Lain
TS	-	Tidak Setuju
TP	-	Tidak Pasti
S	-	Setuju



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

- i. Borang Soal Selidik
- ii. Surat Kebenaran Daripada Ketua Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional,
Fakulti Teknologi Kejuruteraan.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

Pengenalan

1.0 Pendahuluan

Profesion perguruan merupakan salah satu kerjaya yang dipandang mulia suatu masa dahulu, dihormati dan dianggap sebagai berkhidmat untuk negara kerana berperanan mendidik generasi pelapis dan membantu pembangunan negara (Shuhada, 1997).

Berdasarkan kepada Pusat Perkembangan Kurikulum (1990), guru merupakan pejuang barisan hadapan dalam usaha mendidik anak bangsa. Menjadi guru bukan hanya semata-mata memegang pekerjaan yang merupakan satu profesion yang dihormati sejak zaman-berzaman. Para guru mencorakkan masa depan anak yang dididik, menentukan jenis insan yang dihasilkan dan bentuk bangsa yang akan dijelmakan. Sebagai guru, kita selalu menghadapi berbagai-bagai risiko kerana mendidik bukanlah satu kerja yang mudah kerana ia melibatkan tanggungjawab yang berat dan tidak berkesudahan tugasnya.

Semua orang tahu peranan guru adalah untuk mengajar dan pengajaran dilakukan dengan menggunakan berbagai teknik dan kaedah berdasarkan teori penyelidikan dan orientasi Psikologi (Ribak- Rosenthal, 1994).

Peranan dan tatasusila profesion perguruan di Malaysia adalah luas. Di samping mengajar, tugas guru adalah meliputi perkara yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat sekeliling. Dengan kata lain, guru dengan masyarakat tidak boleh dipisahkan. Kegagalan guru menyesuaikan diri dengan kehidupan masyarakat menyebabkan timbulnya konflik peranan. Konflik ini mungkin timbul disebabkan tidak adanya sifat-sifat atau ketokohan sebagai seorang guru untuk menjadi model dan pemimpin kepada murid dan masyarakat sekeliling. Kalau seseorang guru tidak mempunyai keyakinan kepada profesion dan tanggungjawab, maka kemungkinannya besar murid-murid tidak mempunyai kesungguhan untuk belajar dan bekerjasama dengan guru-guru (Mohd Salleh Lebar, 1998).

Oleh kerana guru memainkan peranan yang penting, maka adalah menjadi tanggungjawab organisasi pendidikan untuk melahirkan guru-guru yang berdedikasi. Seterusnya guru-guru hendaklah menjaga taraf profesion guru dengan mengekalkan prestasi yang tinggi (Sukartini, 1990).

Menurut Tajul Ariffin dan Nor'aini (1992), perguruan merupakan alat terpenting yang harus dieksploit perannya bagi menjayakan Wawasan 2020. Dalam hal ini, kualiti guru dan profesion perguruan hendaklah ditingkatkan statusnya dalam masyarakat supaya peranannya benar-benar dapat dirasakan.

1.1 Latar Belakang Masalah

Masalah profesion perguruan di Malaysia telah berulang kali diperkatakan oleh orang ramai sejak akhir-akhir ini. Masalah tersebut semakin serius apabila bilangan calon lelaki semakin kurang berminat menceburi profesion tersebut. Dengan keghairahan terhadap profesion lain yang lebih menarik, lebih tinggi pendapatan dan mempunyai potensi yang baik menyebabkan profesion perguruan hanya diminati oleh golongan wanita sahaja atau kepada yang betul-betul meminati profesion tersebut (Mohd Salleh Lebar, 1998)

Sejak kebelakangan ini, kita sering mendengar bahawa negara kita kekurangan guru yang berpengalaman kerana mereka mengambil persaraan awal atau menceburi bidang lain (Tamrin, 1997).

Di samping itu, terdapat juga golongan guru yang masih lagi meneruskan kerjaya perguruan tetapi sudah tawar hati dengan profesion ini. Mereka dikatakan terumbang-ambing dan menghabiskan sisa-sisa perkhidmatan mereka sebagai rutin serta kurang daya motivasi yang tinggi (Mohd Salleh Lebar, 1998).

Masalah ini timbul kerana kurangnya minat yang mendalam di dalam profesion ini. Menurut Nik Zainun (1998), mereka yang memilih profesion ini seharusnya mempunyai sikap yang positif terhadap perkembangan manusia dan masyarakat. Profesion guru tidak boleh dijadikan sebagai kerjaya terakhir. Sekiranya keadaan ini berterusan maka bidang pendidikan akan hanya dijawab oleh mereka yang tidak berminat dan secara tidak langsung boleh menjejaskan mutu pendidikan dan kualiti guru-guru di sekolah.

Permasalahan ini juga timbul kerana konflik yang memberi tekanan di dalam kerjaya guru. Nor Azizah (1991) dari hasil kajian yang dijalankan mendapati guru tidak berpuas hati dalam beberapa aspek iaitu gaji yang tidak setimpal dengan pengalaman, tidak ada peluang kenaikan pangkat, dan bebanan tugas yang berat. Hui dan Chan (1996)

mendapati bebanan kerja dan tekanan masa merupakan aspek terpenting yang menyebabkan tekanan di dalam kerjaya guru.

Sehubungan dengan fenomena di atas, kehadiran guru-guru pelatih yang mempunyai sikap yang positif dan minat yang tinggi terhadap profesion perguruan diharapkan dapat mengubah persepsi bakal-bakal pendidik terhadap profesion ini. Guru-guru pelatih ini diharapkan akan menjadi barisan pelapis yang memiliki persepsi dan sikap yang positif. Namun demikian terdapat persoalan samaada guru-guru pelatih ini benar-benar berminat untuk menceburi bidang perguruan atau sekadar memenuhi kekosongan jawatan dan menjadikan profesion perguruan pilihan yang terakhir. Kajian ini dijalankan untuk meninjau dan mengenalpasti apakah faktor yang menarik minat mereka dan menolak minat mereka untuk menceburi profesion yang mulia ini.

1.2 Penyataan Masalah

Berdasarkan kepada latar belakang masalah di atas, maka penyataan masalah bagi kajian ini ialah :

Apakah persepsi pelajar terhadap profesion perguruan ? Kajian ini akan dijalankan ke atas pelajar Sarjana Pendidikan (Teknikal) di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO).

1.3 Persoalan Kajian

Berpandukan kepada kaedah penyataan masalah, persoalan-persoalan yang ini dijawab di dalam kajian ini ialah :

- 1) Apakah faktor-faktor yang menarik minat pelajar lelaki dan perempuan memilih kerjaya di dalam profesion perguruan ?
- 2) Apakah faktor-faktor yang menolak minat pelajar lelaki dan perempuan untuk meneruskan kerjaya di dalam profesion perguruan ?
- 3) Apakah sikap pelajar lelaki dan perempuan terhadap profesion perguruan?

1.4 Objektif Kajian

Tinjauan ini dibuat adalah untuk :

- 1) Mengenalpasti faktor-faktor yang menarik minat pelajar lelaki dan perempuan memilih profesion kerjaya di dalam profesion perguruan .
- 2) Mengenalpasti faktor-faktor yang menolak minat pelajar lelaki dan perempuan untuk meneruskan kerjaya di dalam profesion perguruan.
- 3) Mengenalpasti sikap pelajar lelaki dan perempuan terhadap profesion perguruan.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini difikirkan penting kerana guru merupakan tunjang dan pelaksana yang paling utama untuk menjayakan reformasi pendidikan, membangunkan sumber manusia dan merealisasikan Falsafah Pendidikan Negara. Menurut Wan Mohd Zahid (1993), pembangunan sumber manusia diperlukan untuk pembangunan negara dan ianya bergantung sebahagian besarnya kepada pendidikan. Sistem pendidikan menyediakan “generasi kedua” atau “generasi wawasan” yang menentukan piawaian baru. Ini menunjukkan pentingnya peranan sistem pendidikan dan pendidik untuk merealisasikan Wawasan 2020.

Menurut Datuk Seri Najib Tun Razak, sistem pendidikan berkualiti tinggi adalah penting sejajar dengan keperluan negara untuk mewujudkan tenaga kerja bertaraf dunia dan antara yang terbaik di peringkat antarabangsa supaya Malaysia mampu bersaing dalam abad yang baru. Dengan itu guru yang berkualiti diperlukan jika matlamat Wawasan 2020 ingin dicapai. Wawasan 2020 berhasrat mewujudkan Koridor Raya Multimedia serta berdepan dengan zaman ledakan teknologi maklumat dan era globalisasi serta berkait rapat dengan pembangunan sumber manusia (Mohd Fuad,1997)

Kajian ini juga dirasakan penting dalam memberi serba sedikit maklumat yang boleh digunakan bagi memperbaiki status profesion perguruan dan menarik minat individu menceburi bidang ini atau terus menceburi bidang ini. Semoga dengan sedikit maklumat yang diperolehi dapat kita ketahui faktor yang menarik dan menolak minat terhadap profesion perguruan.

Sehubungan dengan itu, langkah-langkah sewajarnya dapat diambil oleh pihak yang berkenaan bagi menangani permasalahan yang timbul dan seterusnya meningkatkan martabat guru dengan membuktikan bahawa profesion ini bukanlah pilihan terakhir.

Diharapkan dengan adanya maklumat yang diperolehi daripada kajian ini, maka terjawablah persoalan yang menyebabkan kekurangan kemasukan pelajar khususnya di kalangan kaum lelaki. Dengan itu beberapa perkara boleh dijadikan panduan bagi memperbaiki keadaan tersebut agar profesion ini tidak dipinggirkan kerana menurut Tajul Arifin dan Nor'aini (1992) guru adalah teras kekuatan sistem pendidikan negara.

1.6 Skop Kajian

Skop kajian ini adalah tertumpu kepada pelajar-pelajar Sarjana Pendidikan (Teknikal) di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn (KUiTTHO). Kajian ini cuba

mengenalpasti faktor-faktor yang menarik minat pelajar memilih kerjaya di dalam profesion perguruan dan faktor-faktor yang menolak minat pelajar meneruskan kerjaya di dalam profesion perguruan serta mengenalpasti sikap pelajar terhadap profesion perguruan.

1.7 Limitasi Kajian

Terdapat beberapa batasan atau limitasi dalam kajian yang dilakukan. Antara limitasi-limitasi tersebut ialah :

- 1) Kesukaran untuk mendapat jawapan yang sebenar daripada responden secara rawak.
- 2) Kajian ini dihadkan kepada pelajar-pelajar Sarjana Pendidikan (Teknikal di KUiTTHO sahaja. Maka segala keputusan yang diperolehi dan generalisasi hanya benar dan boleh digunakan di sekitar KUiTTHO sahaja.
- 3) Oleh kerana populasi kajian adalah terhad, maka pemberian maklumat yang palsu oleh responden boleh mempengaruhi keputusan keseluruhannya.

1.8 Definisi Istilah

1.8.1 Persepsi

Mengikut kamus Dewan (1997), persepsi membawa maksud gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran. Seterusnya persepsi akan membentuk tanggapan.

Pembentukan tanggapan terhadap sesuatu perkara sama ada ianya benar atau sebaliknya bergantung kepada persepsi terhadap perkara tersebut. Pentafsiran seseorang yang sedang mengamati sesuatu perkara bergantung kepada pengalaman-pengalaman lampainya dan proses persepsi ini bukanlah semata-mata suatu proses yang pasif.

Oleh yang demikian persepsi berkemungkinan terdiri dari aspek-aspek gerak balas yang melibatkan pemilihan gerak balas yang sepadan untuk bertindak. Secara ringkasnya, persepsi bererti meneliti dengan menggunakan penglihatan, pendengaran dan anggota deria yang lain dengan tujuan memahami apa yang sedang diteliti.

Berbagai pendapat tentang persepsi telah diutarakan oleh beberapa orang seperti Hebb (1966), Cambell (1969) dan Krenteh (1973). Berikut adalah pandangan-pandangan mereka terhadap istilah persepsi.

Hebb (1966) mengatakan persepsi meliputi 2 komponen besar iaitu kognitif (pemikiran) dan afektif (perasaan). Pendapat ini menunjukkan ada pertalian di antara pemikiran dan rasa hati seseorang di dalam persepsi mereka. Campbell (1969) menakrifkan persepsi sebagai hubungan yang rapat antara bagaimana sesuatu perkara itu diperhatikan dengan apa yang diperkatakan. Saling kait antara pemikiran dan rasa hati. Krenteh (1973), kemudiannya menginterpretasikannya sebagai sebarang maklumat dari alam sekeliling. Maklumat ini diproses melalui struktur kognitifnya dan seterusnya diterjemahkan dalam dirinya.

1.8.2 Pelajar

Menurut Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan Peraturan-Peraturan Terpilih (1998), pelajar adalah seseorang yang menerima apa-apa perihal pendidikan, pengajaran atau latihan sepenuh masa atau separuh masa daripada atau di sesuatu institusi pendidikan. Dalam kajian ini, pelajar adalah terdiri daripada pelajar Sarjana Pendidikan

(Teknikal) di KUiTTHO yang merupakan pemegang biasiswa Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah Skim Latihan Tenaga Pengajar Politeknik. Pelajar-pelajar ini akan ditugaskan untuk menjadi pensyarah di Politeknik seluruh Malaysia apabila menamatkan pangajian kelak.

1.8.3 Profesion

Dictionary of Education (1959) menyatakan profesion boleh ditakrifkan sebagai satu pekerjaan yang dihormati dan mempunyai reputasi baik disebabkan oleh sumbangannya kepada masyarakat. Ia memerlukan pengetahuan yang khusus dan sistematik, tempoh akademik dan latihan yang panjang, mempunyai kod etika dan merupakan perkhidmatan yang mengikuti perkembangan semasa.

1.8.4 Perguruan

Menurut Suffian (1996), perguruan ialah satu profesion yang bermatlamatkan pembentukan insan dan ihsan manusia yang sempurna agar manusia itu mengerti tentang peranan dan tanggungjawab mereka terhadap diri sendiri, masyarakat, alam yang mereka diami serta terhadap keesaan Maha Pencipta.

1.8.5 Minat

Strong (1964) mengatakan minat wujud apabila seseorang itu suka pada sesuatu objek itu dan bersedia untuk menunjukkan reaksi terhadapnya. Sebaliknya ia tidak suka pada sesuatu objek itu apabila ia tidak mempedulikan langsung akan objek itu. Minat

juga boleh didefinisikan sebagai kecenderungan atau tarikan terhadap sesuatu perkara atau objek. Minat wujud apabila individu sedar tentang kecenderungan terhadap objek itu (Rohany, 1981).

Crow dan Crow (1983) menyatakan, minat mempunyai hubungan rapat terhadap pengetahuan mengusaha dalam kemahiran melakukan sesuatu. Dengan itu diringkaskan bahawa minat merupakan keinginan yang ditunjukkan atau kecenderungan seseorang terhadap sesuatu objek. Dengan adanya minat yang positif dalam diri seseorang, dia akan bertindak untuk melibatkan diri secara terus atau langsung dengan apa yang diperlukan untuk memenuhi minat tersebut.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI DOKUMEN RUJUKAN

BUKU

Dictionary of Education. (1989). 3rd Edition. New York : Mc Graw Hill Book Company

Dunham, J. (1992). *Stress in Teaching*. 2nd Edition. London : Routledge

Ginzberg, et al. (1951). *Occupational Choice : An Approach to General Theory*. New York : Colombia University Press.

Koetsvav Lendall (1987). *Management By Menu*. Wiley and Sons Inco. Hlm. 134

Mohd Najib Abdul Ghafar. (1998), *Penyelidikan Pendidikan*. Johor : UTM

Mohd Salleh Lebar. (1998). *Sosiologi Sekolah dan Pendidikan*. Selangor : Thinker's Library Sdn Bhd

Mok Soon Sang. (2000). *Ilmu Pendidikan Untuk KPLI*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn Bhd

Noran Fauziah Yaakub & Ahmad Mahdzan Ayob. (1990). *Guru dan Perguruan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Olive. (1973). *Sex Difference in Adolescence*. New Jersey : Prentice Hall Inc.

Omar Mohd Hashim. (1993). *Pendidikan : Persoalan, Penyelesaian dan Harapan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

- Oppenheim, A.N. (1996). *Questionnaire Design and Attitude Measurement*. Gover
- Rohaty Mohd Majzub. (1993). *Psikologi Perkembangan untuk Bakal Guru*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd
- Suffian Hussin. (1996). *Pendidikan Di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Tajul Ariffin Nordin & Nor'aini Dan. (1992). *Pendidikan dan Wawasan 2020*. Kuala Lumpur : Penerbit Arena Ilmu Sdn Bhd
- Wan Mohd Zahid Mohd Noordin. (1993). *Wawasan Pendidikan, Agenda Pengisian*. Kuala Lumpur : Nurin Enterprise

JURNAL

- Ahmad Jaffni Hassan. (1990). "Persepsi Profesion Perguruan dan Disiplin di Sekolah." *Jurnal Pendidikan UKM* no. 15, hal. 19-27
- Borg, M.G & Riding, R.J. (1991). "Occupational Stress and Satisfaction in Teaching." *British Educational Research Journal* no. 17, hal. 263 – 281
- Brown, M & Ralph, S. (1992). "Towards the Identification of Stress in Teachers." *Research in Education* no. 48, hal. 103-110
- Erez et al. (1989). "Work Values of Youth : Effects of Sex or Sex Role Typing?" *Journal of Vocational Behavior* no. 34, hal. 350-366
- Gati, I., Givon. M. & Osipow, S.H. (1995). "Gender Differences in Career Decision Making : The Content and Structure of Preferences." *Journal of Counseling Psychology* no. 42 (2), hal. 204-216
- Hj Mohd Sahandri Gani b. Hj Hamzah. (1996). "Pengajaran Paradigma Dalam Profesion Keguruan." *Jurnal Akademin Maktab Perguruan Kota Bharu*, hal. 70-90
- Hui, E.K.P. & Chan, D.W. (1996). "Techers Stress and Guidance work in Hong Kong Secondary School Teachers." *British Journal of Guidance and Counselling* no. 24, hal. 199-210

Kyriacou, C. (1987). "Teacher Stress and Burout : An International Review." *Educational Research* no. 29, hal. 146-152

Levine, D.U & Ornstein, A.C (1983). "Sex Difference in Ability and Achievement." *Journal of Research and Development in Education* no.34(2), hal. 66-72

Nor Azizah Salleh. (1991). "Kepuasan bekerja dan Keperluan Profesional Guru-Guru Lulusan Maktab dan Implikasinya kepada Pendidikan lanjutan." *Jurnal Pendidikan UKM* no. 16, hal. 85-94

Peretomode, P.S & Mc Kay R. (1994), " Women in Science : A Brief History Within Chemistry." *School Science Review* no.76, hal. 27-28

Ribak-Rosenthal, N. (1994). " Reasons Individuals Become School Administrators, School Counselors and Teachers." *The School Counsellor* no. 41, hal. 158-164

KERTAS KERJA

Tajul Ariffin Noordin & Nor'aini Dan. (1996). " Pendidikan Sains dan Matemati Menuju Abad ke-21 : Realiti, Cabaran dan Harapan." *Seminar Kebangsaan Pendidikan Sains dan Matematik*. Fakulti Pendidikan UKM, 20-21 Nov

Wan Mohd Zahid Mohd Noordin. (1993). " Arah Aliran Pendidikan dalam Konteks Reformasi Pendidikan." *Seminar Pendidikan Tinggi Sains Ke arah Reformasi Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

LATIHAN ILMIAH

Daisy, Ee, (1974). "A Study of Factors Influencing Teachers Trainee's Choice of the Teaching Profession in West Malaysia." *Tesis Sarjana Pendidikan UM*

Nik Zainun Nik Man. (1988). "Motif Memilih Profesion Perguruan Sebagai Kerjaya" *Kajian Kes Guru Pelatih Program Sains Pendidikan UKM*. *Latihan Ilmiah UKM*